

# Ketua Puteri: Dr. Mahathir ucap selamat berjaya kepada Azalina

10:16 OCT 2002

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat berjaya kepada Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said yang dijangka memenangi jawatan ketua sayap baru itu tanpa bertanding.

"Selamat berjaya untuk dia," katanya ringkas ketika mengulas perkembangan terbaru berhubung pencalonan bagi jawatan Ketua Puteri UMNO.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Nuklear 2002 di Pusat Dagingan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Azalina dijangka memenangi jawatan tersebut tanpa bertanding setelah tempoh pencalonan tamat hari ini.

Sehingga hari ini, Azalina telah mendapat 162 pencalonan daripada 165 bahagian pergerakan itu di seluruh negara.

Meskipun tiga bahagian iaitu Marang, Kapar dan Kuala Selangor masih belum membuat pencalonan kerana mesyuarat bahagian akan diadakan hari ini, pemerhati politik melihat tidak ada masalah bagi Azalina untuk mendapatkan pencalonan daripada ketiga-tiga bahagian tersebut.

Sehingga hari ini juga, empat pencabar Azalina iaitu bekas Ketua Penerangan Puteri UMNO, Mastina Abdul Hamid; Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita Bahagian Kulim-Bandar Baru, Raihan Suleiman; Ketua Wanita Seri Pandan, Mazibah Mohd. Zin dan ahli Wanita UMNO Hulu Klang, Ummi Hafilda Ali masih belum mendapat sebarang pencalonan.

Semua calon yang berhasrat bertanding jawatan tersebut hanya memerlukan dua pencalonan untuk melayakkan mereka bertanding pada pemilihan Puteri UMNO pada 1 November ini.